

23/06/1999

The Entrapment beri gambaran salah mengenai Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan tidak puas hati dengan gambaran salah mengenai Malaysia dalam filem The Entrapment, yang sebahagiannya difilemkan di sini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, gambaran salah mengenai Menara Berkembar Petronas dalam filem itu boleh menyebabkan penonton di negara kaya beranggapan Malaysia sebagai negara membangun yang membazirkan wang rakyat, mungkin juga bantuan asing, dengan membina monumen besar.

"Kami amat terkejut apabila mendapati Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia, digambarkan menjulang di tengah-tengah kawasan miskin di Melaka, kira-kira 150 kilometer jauhnya.

"Dan mereka sudah tentu tidak mahu datang dan melihat bangunan paling tinggi di dunia. Saya tidak faham kenapa kita perlu memutar belit dan memburukkan (orang lain)," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan persidangan tahunan Integrated Strategic Communication Bullseye (ISCB) Worldwide Partners 1999 di sini, hari ini.

The Entrapment, filem terbaru lakonan bekas pemegang watak James Bond, Sean Connery dan Catherine Zeta Jones, menjadikan Malaysia sebagai lokasi utama penggambarannya.

Walaupun menjadikan Menara Berkembar Kuala Lumpur sebagai fokus utama, pengarahnya mengambil latar belakang yang menggambarkan rakyat Malaysia masih tinggal di kawasan miskin dan terbiar tanpa pembangunan.

Malah, rakyat Cina negara ini pula digambarkan masih kolot dan terbabit dengan kegiatan candu.

Sambil melahirkan rasa terkejutnya terhadap gambaran salah dalam filem itu, Dr Mahathir berkata, orang ramai selalunya mempercayai gambaran yang diberi melalui filem atau laporan media.

Kesannya, kata beliau, orang asing yang tidak pernah datang ke negara ini, percaya kononnya Malaysia tidak stabil, malah berbahaya dan bukannya tempat mengadakan persidangan antarabangsa, apa lagi untuk melabur.

"Kerajaan Malaysia dituduh membelakangkan dunia dengan mengenakan kawalan mata wang, yang antara lain menyebabkan kemelesetan ekonomi serius, kemungkinan rusuhan di kalangan rakyatnya berterusan dan kerajaan akan ditumbangkan.

"Ini adalah gambaran yang anda perolehi daripada laporan media Barat. Saya benar-benar tidak faham mengapa kita perlu memutarbelitkan fakta dan menggugat keadaan, apabila kita boleh bersikap murah hati tanpa membebankan sesiapa," tegasnya.

Perdana Menteri juga difahamkan bahawa Worldwide Partners, rangkaian terbesar pengiklanan bebas, hampir tidak datang ke Kuala Lumpur apabila menerima laporan negatif menerusi media asing.

"Ramai antara anda yang curiga, risau malahan takut untuk datang ke sini selepas mendengar dan membaca mengenai dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri dipukul, dibicara dan dipenjara ... walaupun sebenarnya ia adalah seperti iklan, yang lebih besar daripada kehidupan sendiri apabila diulang-ulang oleh media di seluruh dunia," katanya.

Pengerusi Worldwide Partners, Mickey Gallivan, ketika ditemui selepas majlis itu mengaku pihaknya memang berbincang mengenai kemungkinan mengubah lokasi persidangan kali ini apabila Kuala Lumpur dilaporkan mengalami pelbagai masalah tahun lalu.

Beliau berkata, ahli pertubuhan itu bimbang dengan pelbagai laporan

negatif terutama membabitkan demonstrasi jalanan serta rusuhan yang dikatakan berlaku di negara ini pada akhir tahun lalu.

"Ramai antara kami yang tidak mahir dengan kedudukan geografi rantau ini dan membuat kesimpulan keadaan adalah membimbangkan.

"Bagaimanapun selepas diyakinkan oleh pelbagai pihak, kami membuat keputusan muktamad dan ternyata segala kebimbangan itu tidak berasas. Malaysia aman dan damai, malahan sambutan yang kami terima amat memuaskan," katanya yang kali pertama datang ke sini.

Seramai 44 wakil agensi pengiklanan dari seluruh dunia menghadiri persidangan lima hari itu.

Turut hadir Pengerusi Integrated Strategic Communication Bullseye (ISCB) Worldwide Partners' (Malaysia), Mukhriz Mahathir serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Austen Zecha.

(END)